

**Penyertaan Semula MCA, Gerakan Bentuk Kepimpinan Kerajaan Pelbagai Kaum –
Dewan Negara
Bernama
Jun 25, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Beberapa anggota Dewan Negara menyifatkan penyertaan semula wakil parti MCA dan Gerakan dalam kabinet bakal membentuk kepimpinan yang harmoni antara pemimpin pelbagai kaum.

Anggota Dewan Negara, Senator Datuk Mohd Salim Sharif berkata penyertaan itu sekali gus menunjukkan komitmen daripada semua parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam mentadbir negara.

"Kita tidak lagi melihat bahawa Umno atau parti komponen BN yang lain sahaja yang komited malah suara rakyat pelbagai kaum dapat didengari dengan penyertaan semula MCA dan Gerakan setelah menyepi selepas Pilihan Raya Umum lepas (PRU13)," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, Rabu.

Senator Datuk Chew Lian Keng berkata pertambahan jawatan dalam kabinet dapat memastikan keharmonian diperkukuhkan antara MCA dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain.

Katanya penyertaan wakil kedua-dua parti itu dalam jawatan kabinet turut menjamin masa depan politik yang lebih cerah dan mewakili kaum Cina dalam menyelesaikan masalah masyarakat berkenaan.

Senator Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman pula berharap MCA dan Gerakan terus bekerja kuat mewakili suara komuniti berbilang kaum di Malaysia.

"Mereka juga berperanan meningkatkan kepercayaan orang bukan Melayu dalam memberi sokongan kepada Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

Sementara itu, Senator Datuk Dr Lucas Umbul percaya, kabinet baharu yang diumumkan Perdana Menteri mencerminkan masyarakat majmuk Malaysia.

"Jika dahulu tiada perwakilan daripada parti MCA dan Gerakan, kita dapat melihat

beberapa orang di kalangan mereka seperti (Datuk Seri) Liow Tiong Lai, (Datuk Dr) Wee Ka Siong dan (Datuk) Mah Siew Keong telah dilantik menyertai kabinet bagi mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia," katanya.

Senator K. Bathmavathi yang merupakan anggota Dewan Negara Orang Kurang Upaya (OKU) berkata penyertaan semula Senator Datin Paduka Chew Mei Fun sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuktikan kepercayaan tinggi Najib terhadap komitmen yang pernah ditunjukkan oleh Chew pada tahun 2009.

Beliau yakin pengalaman Chew dalam menjawat portfolio itu dapat membantu kementerian itu memberikan perkhidmatan terbaik kepada golongan wanita, kanak-kanak dan golongan OKU pada masa akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu mengumumkan pelantikan tiga jawatan menteri dan tiga timbalan menteri terdiri daripada pemimpin parti komponen Barisan Nasional MCA dan Gerakan.

Mereka ialah Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai sebagai Menteri Pengangkutan, Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dan Timbalan Presiden MCA Datuk Dr Wee Ka Siong masing-masing sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Turut dilantik ialah tiga naib presiden MCA - Datuk Lee Chee Leong sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong sebagai Timbalan Menteri Kewangan dan Chew sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049236>